

20 MAR 2002

Mahathir-Jerman/I

MALAYSIA, JERMAN RANCANG TINGKATKAN AKTIVITI EKONOMI DAN PENDIDIKAN

Oleh: Muin Abdul Majid

BERLIN, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Canselor Jerman Gerhard Schroder mencapai kata sepakat untuk meningkatkan hubungan dua hala ekonomi dan perdagangan serta memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan.

Pertemuan kedua-dua pemimpin itu diadakan di Canseleri Persekutuan di pinggir Berlin di mana Perdana Menteri, yang dalam lawatan hari terakhirnya ke Jerman, diberikan sambutan penuh istiadat termasuk melakukan pemeriksaan barisan kehormat Anggota Tentera Persekutuan.

Pada sidang berita bersama selepas pertemuan itu, Schroder menyifatkan hubungan antara Berlin dan Kuala Lumpur sebagai "sangat sihat".

Bercakap menerusi seorang jurubahasa, beliau berkata kedua-dua negara bersetuju meningkatkan lagi hubungan dalam bidang ekonomi dan perdagangan dengan memberi keutamaan kepada infrastruktur dan sektor maklumat dan telekomunikasi.

"Saya ingin katakan bahawa bagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara, pendidikan sudah pasti merupakan bidang penting yang boleh dikuasai lagi pada masa depan," katanya.

Kedua-dua pemimpin itu membincangkan cadangan Dr Mahathir bahawa universiti-universiti Jerman harus mula aktif di Malaysia menerusi kerjasama dan projek terutamanya dalam bidang teknikal.

Perbincangan mereka juga bertumpu kepada sistem latihan vokasional Jerman.

"Kami membincangkannya dan memutuskan bahawa syarikat-syarikat Jerman yang aktif di Malaysia mungkin dapat membantu dalam hal ini," kata Schroder said.

Dr Mahathir pula berkata Schroder mencadangkan Malaysia menggunakan syarikat Jerman untuk menubuhkan program latihan bagi membolehkan rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran mereka menerusi latihan vokasional Jerman.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau gembira kerana akhirnya dapat melawat Jerman dan mengadakan perbincangan yang meluas dengan Schroder.

Dr Mahathir sepatutnya melawat Jerman pada September tahun lepas tetapi lawatan itu ditunda berikutan serangan penganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Schroder juga berkata Dr Mahathir dan beliau membincangkan mengenai usaha bersama politik berkaitan dengan keganasan antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada peranan Malaysia dan Perdana Menteri dalam isu itu.

Pagi tadi, Dr Mahathir dan rombongan Malaysia melawat bandar dengan 3.5 juta penduduk itu untuk melihat pembangunan fizikal yang berlaku sejak penyatuan semula Jerman pada 1990.

Ia termasuk kawasan Potsdamer Platz, yang pada 1920 adalah medan paling sibuk di Eropah tetapi musnah akibat perang. Ia dibina semula pada 1991.

Dr Mahathir turut melawat Galeri East Side, bahagian sepanjang 1.3 km di Tembok Berlin yang telah dipulihara sebagai tempat memorial dan dipapari dengan hasil seni 118 pelukis dari 21 negara untuk menjadikannya galeri seni terbuka.

Laluan itu juga membawa kumpulan itu ke Check Point Charlie, bekas tempat menyeberangi sempadan untuk pasukan bersekutu.

Dr Mahathir dijadualkan ke Poland esok.

-- BERNAMA

MAM FA NAK

